

AKHBAR : BERITA HARIAN
 MUKA SURAT : 8
 RUANGAN : NASIONAL

Nasional

Penularan COVID-19

39 pulih, 69 kes baharu

Negara pada fasa pemulihan berbanding tempoh PKP sebelum ini

Kuala Lumpur: Sebanyak 39 kes pulih dan dibenarkan keluar hospital semalam, menjadikan jumlah kumulatif kes pulih sepenuhnya daripada COVID-19 adalah 4,210, iaitu 69.3 peratus daripada keseluruhan kes.
 Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdul-

lah, berkata bagaimanapun terdapat 69 kes baharu dilaporkan, menjadikan jumlah positif COVID-19 di Malaysia sebanyak 6,071 kes.
 Katanya, 12 daripada 69 kes adalah import, manakala penularan tempatan 57 kes, selain jumlah aktif dengan kebolehsangkitan COVID-19 adalah 1,758 kes.
 "Seramai 37 kes positif COVID-19 sedang dirawat di unit rawatan rapi (ICU) dengan 14 daripadanya memerlukan bantuan pernafasan.
 "Terdapat pertambahan satu kematian berkaitan COVID-19, menjadikan jumlah kumulatifnya 103 kes atau 1.69 peratus daripada jumlah keseluruhan kes.

"Kes kematian ke-103 (kes ke-5441) adalah lelaki tempatan berusia 66 tahun dan mempunyai latar belakang penyakit barah dan sejarah kontak rapat dengan kes positif COVID-19 (kes ke-4818).
 "Beliau dirawat di Hospital Kuala Lumpur 14 April lalu dan disahkan meninggal dunia pada jam 4 petang semalam," katanya pada sidang media di Putrajaya, semalam.
 Dr Noor Hisham berkata, keputusan kerajaan melonggarkan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) fasa keempat seperti diumumkan Perdana Menteri disebabkan kejayaan semua pihak me-

landaikan lekuk jangkitan COVID-19.
 Katanya, negara kini dalam fasa pemulihan berbanding tempoh pelaksanaan PKP sebelum ini.
 "Kementerian Kesihatan hanya memberikan nasihat. Beberapa minggu lalu, kita bimbang terhadap jangkitan ini kerana ada tempoh berlaku kenaikan tinggi.
 "Disebabkan (keadaan itu, kita meminta penangguhan (PKP) beberapa minggu
 "Tujuan utama kita adalah untuk melandaikan lekuk jangkitan dan kita berjaya melakukannya serta membuat langkah mengekang sejak awal lagi," katanya.



Keputusan kerajaan longgarkan PKP fasa keempat disebabkan kejayaan semua pihak melandaikan lekuk jangkitan COVID-19.

Dr Noor Hisham Abdullah, Ketua Pengarah Kesihatan



Anggota tentera membuat rondaan di PKPD Selayang Baru, semalam. (Foto BERNAMA)


8 daerah masih Zon Merah

Kuala Lumpur: Jumlah daerah berada dalam Zon Merah COVID-19 terus merekodkan penurunan kepada lapan berbanding 12, kelmarin.
 Rekod Pusat Keselapsiagaan dan Tindakan Cepat Krisis Kebangsaan (CPRC), Kementerian Kesihatan (KKM) menunjukkan daerah Zon Hijau pula bertambah kepada 92.
 "Perlis, Kedah, Kelantan, Perak adalah negeri Zon Hijau, tetapi belum bebas COVID-19.
 "Di Selangor, hanya Hulu Langat kekal Zon Merah. Terus patuhi PKP kita masih belum selamat," menurut KKM di laman Twitter.
 Sementara itu, Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah, pada sidang media

semalam berkata, tiada pertambahan kes jangkitan baharu COVID-19 bagi beberapa lokaliti Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD).
 Katanya, ia membabitkan lokaliti di Menara Plaza City, Selangor Mansion dan Sungai Lui.
 Menara Plaza City kekal 55 kes positif, iaitu 44 kes positif dan satu kematian dalam kalangan warga

asing, manakala Selangor Mansion kekal 168 kes dengan 151 daripadanya bukan warganegara.
 "Lokaliti Malayan Mansion kekal 12 kes dengan 10 daripadanya bukan warganegara, manakala Sungai Lui (158 kes)," katanya.
 Bagaimanapun, Dr Noor Hisham berkata, terdapat pertambahan tiga kes di Pusat Bandar Utara dan sekitar Pasar Borong, menjadikan jumlah keseluruhan 86 kes dengan 19 daripadanya di luar kawasan PKPD.
 "Bukan warganegara yang terbahit seramai 62 kes dengan satu kematian warga asing.
 "Lokaliti Selayang Baru ada pertambahan 17 kes baharu, menjadikan jumlah keseluruhan 28 kes, membabitkan 14 bukan warganegara," katanya.

Fakta Nombor
12 daerah
 diisytiharkan Zon Merah kelmarin



AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 9

RUANGAN : NASIONAL

BH SABTU, 2 MEI 2020

Nasional

9

Penularan COVID-19

Premis ada kes terus kena PKPD

Tindakan tegas syarikat dibenar operasi semula ingkar SOP

Kuala Lumpur: Premis atau lokasi kerja yang dikesan ada jangkitan COVID-19 selepas dibenarkan beroperasi bermula Isnin ini akan terus ditutup dan diletakkan sebagai kawasan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD).

Demikian peringatan Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah, semalam mengenai beberapa sektor ekonomi yang akan dibenarkan beroperasi bermula Isnin ini.

Beliau berkata, Kementerian akan terus membuat saringan terhadap setiap pekerja dan mereka yang ada tanda COVID-19 akan dikuarantin serta-merta.

"Jika tidak patuh kepada SOP (prosedur operasi standard) yang diarahkan, kita akan ambil tindakan untuk mencegah penularan. Kita akan menjalankan PKPD dan menyaring, mengasing mereka yang positif dan melakukan tindakan. Sebagai contoh, sebuah kilang yang dikesan terdapat kes," katanya dalam sidang media semalam.

Beliau berkata, prosedur operasi standard (SOP) ditetapkan pihak berkuasa perlu dipatuhi bagi sektor ekonomi yang akan dibuka itu.

Ini termasuk amalan jarak sosial sekurang-kurangnya satu meter dan kerap mencuci tangan

atau menggunakan cecair sanitasi.

"Selain itu, penggunaan topeng muka dan hidung, saringan kesihatan di pintu masuk premis, keutamaan melindungi kumpulan berisiko seperti kanak-kanak, bayi, warga emas dan orang kurang upaya (OKU).

"Individu tidak sihat dan bergejala dikehendaki segera menjalani pemeriksaan kesihatan, bilangan penumpang dalam kenderaan awam perlu mengambil kira penjarakan sosial dan menggalakkan transaksi dalam talian," katanya.

Dr Noor Hisham Abdullah berkata, maklumat mengenai jangkitan

COVID-19 perlu segera dilaporkan kepada Jabatan Kesihatan.

"Perdana Menteri juga menekankan bahawa perhimpunan ramai dan aktiviti yang mendedahkan orang awam kepada risiko jangkitan COVID-19 masih tidak dibenarkan," katanya.

Pada masa sama, katanya, kementerian akan terus memantau perkembangan jangkitan COVID-19 melalui maklumat daripada Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO).

Katanya, orang ramai juga akan sentiasa dimaklumkan sebarang perkembangan terkini mengenainya.

"Begitu juga, kementerian akan memastikan



Negara luar puji usaha Malaysia

Kuala Lumpur: Negara luar termasuk China memuji usaha yang dilakukan Malaysia dalam mengekang COVID-19.


Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah, berkata antara pujian yang diberikan ialah pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang dilihat antara yang terbaik berbanding negara lain.

"Mereka mengagumi usaha dilakukan oleh Malaysia khususnya persediaan kita,

termasuk kemampuan menyediakan tujuh buah hospital untuk merawat pesakit COVID-19.

"Mereka juga memberi pandangan terhadap kepentingan menjaga dan menguatkan sempadan negara untuk mengelakkan peningkatan wabak itu," katanya.

Dr Noor Hisham menjelaskan, ketika ini kementerian sedang belajar mengenai aspek teknikal dalam menangani COVID-19 daripada negaralain, termasuk China.



Pemilik Restoran Abu Seafood di Telok Gadong, Klang menampal notis peringatan untuk pelanggan, semalam. (Foto Faiz Anuar/BH)

langkah pencegahan dan kawalan yang sewajarnya dilaksanakan secara berterusan," katanya.

Dr Noor Hisham turut menasihati majikan dan kakitangan untuk membiasakan dan mengamalkan normal baharu dalam kehidupan serta kaedah kerja bagi memastikan penularan jangkitan COVID-19 dapat terus dibendung.

"Ini amat penting agar semua usaha yang sudah dijalankan selama ini dalam memutuskan

rantaian jangkitan COVID-19 terus berkesan.

"Kementerian akan terus memantau jangkitan COVID-19 di Malaysia. Rakyat dinasihatkan kekal duduk di rumah dan hanya keluar untuk urusan perlu.

"Terus amalkan kebersihan diri yang tinggi seperti kerap membasuh tangan dengan air dan sabun serta amalkan jarak sosial yang selamat, iaitu sekurang-kurangnya satu meter," katanya.

Penuntut balik Sabah, Sarawak dikuarantin 14 hari



Pelajar dikumpulkan bagi mendapat maklumat peribadi menggunakan alat penjejak digital bagi mengesan pelajar yang disaring sebaik tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuching, semalam. (Foto BERNAMA)

Kuala Lumpur: Penuntut institut pengajian tinggi (IPT) yang pulang ke Sabah dan Sarawak perlu menjalani tempoh kuarantin 14 hari.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah, berkata tempoh kuarantin itu bagi memastikan jika ada antara mereka mempunyai simptom jangkitan COVID-19 dapat diberikan rawatan segera oleh petugas kesihatan.

"Mereka yang kembali ke Sabah dan Sarawak masih perlu menjalani kuarantin 14 hari. Adalah lebih baik jika mereka dikuarantin di Kuching atau Kota Kinabalu.

"Mungkin sukar jika mereka kembali ke kawasan luar bandar yang tiada kemudahan kesihatan dan seterusnya mempunyai simptom jangkitan," katanya pada sidang media harian COVID-19 di Putrajaya, semalam.

Beliau berkata, langkah itu

sama seperti dilakukan ke atas rakyat Malaysia yang pulang dari luar negara, selain turut diambil sampel swab.

"Kemungkinan jangkitan itu ada. Seperti kita dapat lihat mereka yang pulang ke Malaysia dari luar negara ketika ini terdapat 263 kes positif," katanya.

Dalam pada itu, Dr Noor Hisham berkata, kementerian tetap menyarankan orang ramai supaya memakai topeng hidung dan mulut ketika berada di tempat awam, meskipun wujud saranan berbeza daripada Pertubuhan Kesihatan Dunia (WHO)

Katanya, WHO memaklumkan penggunaan topeng mulut dan hidung untuk mereka yang bergejala di tempat awam serta untuk barisan hadapan seperti pekerja kesihatan.

"Kita tetap menggalakkan orang ramai untuk memakai ketika ini, jika perlu ke tempat awam," katanya.

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 13

RUANGAN : NASIONAL

4 lagi kes kluster Masjid Seri Petaling

Kuala Lumpur: Kementerian Kesihatan (KKM) merekodkan pertambahan empat kes bagi kluster Perhimpunan Masjid Seri Petaling.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah, berkata kluster berkenaan turut membabitkan jangkitan lima generasi.

Katanya, setakat ini, bilangan sampel diambil ialah 33,803 dan hanya 2,179 daripadanya positif COVID-19.

"Daripada 322 sekolah tahfiz dan madrasah yang dikenal pasti pula, 7,611 daripada 15,423 pelajar, guru dan kakitangan disaring dan diuji iaitu kira-kira 49 peratus. Mereka yang positif 373 kes, bersamaan 4.9 peratus," katanya pada sidang media di Putrajaya, semalam.

Selain itu Dr Noor Hisham berkata, terdapat pertambahan lima kes bagi kluster pesantren, menjadikan jumlah kese-

luruhan sebanyak 169 kes.

"Pasar Chow Kit juga ada pertambahan satu kes, menjadikan jumlah keseluruhan sebanyak 12 kes. Bagaimanapun, kluster Persidangan Gereja, Majlis Perkahwinan di Bandar Baru dan Sendayan serta lain-lain tidak merekodkan pertambahan kes baharu," katanya.

Dr Noor Hisham turut menegaskan pihaknya tidak mengamalkan 'pilih kasih' dalam penyaringan atau rawatan terhadap kumpulan warga asing.

Katanya, tanggungjawab KKM adalah memberi rawatan dan tidak timbul isu sama ada mereka mempunyai dokumen yang sah atau tidak.

"Jika mereka datang kepada kita, walau ada dokumen atau tidak, tanggungjawab kita adalah memastikan mereka ini tidak dijangkiti dan diuji. Isu lain adalah membabitkan kementerian dan agensi lain," katanya.



Kluster Perhimpunan Masjid Seri Petaling membabitkan jangkitan lima generasi.
(Foto hiasan)

AKHBAR : BERITA HARIAN
 MUKA SURAT : 14
 RUANGAN : NASIONAL

Nasional

Sinaran biru teranggi Istana Negara

Kempen hargai pengorbanan barisan hadapan perangi COVID-19

Kuala Lumpur: Sinaran cahaya biru menerangi tiga lokasi strategik di Istana Negara, pada waktu malam sebagai tanda menghargai pengorbanan petugas barisan hadapan negara memerangi wabak COVID-19.

Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah berkenan ke Istana Negara menyertai kempen 'Limpahan Lampu Biru' yang diadakan mulai kelmarin hingga esok, mulai jam 10.30 malam hingga jam 1 pagi membabitkan bangunan ikonik di ibu negara.


Datuk Pengelola Bijaya Diraja Istana Negara, Datuk Ahmad Fadil Shamsuddin, berkata Seri Paduka dan Raja Permaisuri Agong Tunku Hajah Azizah Aminah Maimunah Iskandariah serta ke-

uarga berkenan meluangkan masa selama 30 minit malam kelmarin berangkat menyaksikan penyalan cahaya biru berkenaan di pekarangan Istana Negara.

Istana Negara mengambil bahagian dalam program yang diadakan serentak di Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan, dengan penyalan cahaya biru di tiga lokasi di sekitar Istana Negara iaitu Dataran Kawad, Kubah Anjung Utama dan Pintu Gerbang Utama Istana Negara.

"Al-Sultan Abdullah berkenan dan menitahkan supaya pihak pengurusan Istana Negara menyertai kempen ini sebagai sokongan kepada Kementerian Wilayah Persekutuan dan tanda penghargaan dan terima kasih kepada petugas barisan hadapan yang berjuang mengekang wabak COVID-19," kata Ahmad Fadil dalam satu kenyataan Istana Negara, semalam.

Ahmad Fadil berkata, Al-Sultan Abdullah menzahirkan penghargaan dan menyanjung tinggi pengorbanan petugas barisan hadapan yang menjalankan tugas tanpa mengira masa dan penat.



Al-Sultan Abdullah bersama Tunku Azizah dan keluarga berkenan meluangkan masa menyaksikan penyalan cahaya biru sempena kempen 'Limpahan Lampu Biru' di pekarangan Istana Negara, malam kelmarin. (Foto BERNAMA)



1 Putrajaya berwarna biru ketika kempen 'Limpahan Lampu Biru' bermula kelmarin sehingga esok bagi menzahirkan tanda penghargaan dan solidariti kepada semua petugas barisan hadapan negara memerangi COVID-19. (Foto BERNAMA)

2 Pemandangan Labuan Walk dan bangunan Wisma Perbadanan (PL) dilimpahi cahaya biru sempena kempen 'Limpahan Lampu Biru' di Labuan, kelmarin. (Foto BERNAMA)

3 Anggota polis dan tentera melakukan kawalan berlatarbelakangkan Menara Kuala Lumpur berwarna biru di Kuala Lumpur. (Foto Mohamad Shahril Badri Saali/BH)

4 Pemandangan udara dari helikopter unit Udara PDRM mendapati bangunan ikonik sekitar bandar raya Kuala Lumpur dilimpahi lampu biru sempena kempen 'Limpahan Lampu Biru', kelmarin. (Foto Mohamad Shahril Badri Saali/BH)

5 Jambatan Saloma Link dinyalakan dengan lampu biru sempena menghargai petugas barisan hadapan memerangi COVID-19 selama tiga malam. (Foto BERNAMA)

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 7

RUANGAN : MEMERANGI WABAK COVID-19

SINAR HARIAN • SABTU 2 MEI 2020

#PastiAdaSinar

MEMERANGI WABAK COVID-19



7

Kes positif tempatan meningkat

PUTRAJAYA - Kes positif coronavirus (Covid-19) membabitkan penularan tempatan menunjukkan peningkatan dua hari berturut-turut.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah berkata, daripada 69 kes baharu, 57 kes membabitkan penularan tempatan berbanding kes import sebanyak 12 kes.

"Ini menjadikan jumlah kumulatif positif Covid-19 sebanyak 6,071 kes," katanya pada sidang akhbar perkembangan terkini Covid-19 di kementeriannya di sini semalam.

Menurutnya, seramai 1,758 pesakit Covid-19 masih dirawat di hospital.

"Sehingga kini, 37 kes sedang dirawat di unit rawatan rapi (ICU) dan 14 pesakit memerlukan bantuan pernafasan," katanya.

Dalam pada itu, beliau berkata, Pusat Kesiapsiagaan dan Tindak Cepat (CPRC) Kebangsaan merekodkan satu kematian membabitkan lelaki berumur 66 tahun yang mempunyai penyakit kanser darah.

Katanya, pesakit berkenaan merupakan kes positif ke-5,441 dan mempunyai sejarah kontak rapat dengan kes positif 4,818.

"Dia dirawat di hospital Kuala Lumpur pada 14 April lalu dan disahkan meninggal dunia 4 petang semalam (kelmarin)," katanya.

Premis perlu patuhi SOP

Atau berdepan tindakan PKPD jika ada jangkitan

Oleh ZUBIR SULAIMAN dan TUAN BUQHAIRAH TUAN MUHAMAD ADNAN

PUTRAJAYA

Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) akan dikenakan terhadap mana-mana premis ataupun lokaliti yang mempunyai kes jangkitan koronavirus (Covid-19) selepas mereka memulakan operasi Isnin ini.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah berkata, sekiranya ada kes positif di sesebuah kawasan terbabit, maka PKPD dilaksanakan dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) akan melaksanakan ujian saringan terhadap pekerja serta kakitangan terlibat.

Menurutnya, KKM juga akan melakukan pemantauan dan penguatkuasaan melibatkan setiap agensi dan kementerian terbabit.

"Selain itu, kita juga akan memperkasakan perkara ini dalam komuniti ber-

kaitan termasuk pengurusan kilang atau premis tempat kerja, mereka diberikan tanggungjawab bersama untuk mematuhi prosedur operasi standard (SOP) ditetapkan.

"Jadi mereka perlu patuh kepada SOP yang ditetapkan oleh KKM. Jika mereka ingkar, maka kita akan lihat apa tindakan yang boleh dikenakan sekiranya ada kes di lokaliti itu termasuk melakukan PKPD dan menutup kawasan itu serta menjalankan saringan," katanya pada sidang akhbar harian Covid-19 di kementeriannya di sini semalam.

Dalam pada itu, Dr Noor Hisham berkata, keputusan kerajaan untuk memulakan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) seperti diumumkan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin pagi semalam dengan membenarkan operasi semula aktiviti ekonomi di seluruh negara secara terkawal susulan kejayaan semua pihak untuk membendung penularan jangkitan Covid-19 pada 14 April lalu.

"Beberapa minggu lalu, kita bimbang terhadap jangkitan ini kerana ada tempoh berlaku kenaikan yang tinggi dan dise-

babkan itu, kita meminta penangguhan (PKP) beberapa minggu.

"Tujuan utama kita adalah untuk melandaikan lekuk jangkitan itu dan kita telah berjaya melakukannya," kata beliau.

Sementara itu, Dr Noor Hisham berkata, KKM disaran tidak terlalu bergantung kepada ujian pengesanan pantas (rapid test) untuk saringan Covid-19.

"Perkara itu disuarakan oleh sepasukan pakar perubahan China yang berkongsi pengalaman di sini.

"Kita sedang melihat kepada sistem saringan dan mereka menasihatkan supaya jangan terlalu bergantung kepada ujian pantas Covid-19," katanya.

Menurutnya, pada perbincangan akhir sebelum pasukan tersebut pulang mereka turut menyentuh mengenai teknologi.



"Banyak teknologi yang telah kita lihat dan bincang dengan mereka. Piawaian terbaik ialah penggunaan ujian real time polymerase chain reaction (RT-PCR)," katanya.



DR NOOR HISHAM


SITUASI TERKINI KES COVID-19 DI MALAYSIA SETAKAT SEMALAM

JUMLAH KESELURUHAN: 6,071 | PULIH: 4,210 | ICU: 37 | KEMATIAN: 103 | KES BAHARU: +69



Bilangan kes Covid-19 mengikut negeri di Malaysia

JUMLAH KES BAHARU DAN SEMBUH DILAPORKAN SETIAP HARI



Jumlah jangkitan Covid-19 di Malaysia semalam meningkat daripada 6,002 kes kepada 6,071 kes

INFOGRAFIK SINAR HARIAN/EPIC

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 12

RUANGAN : NASIONAL



NASIONAL

SABTU 2 MEI 2020 • SINAR HARIAN

PTPTN bantu KKM perangi Covid-19

Beri sumbangan 1,000 unit PPE, 10 set PAPR berjumlah RM160,000 kepada dua hospital

Oleh NURUL HUDA HUSAIN

PUTRAJAYA

Prihatin dengan usaha kerajaan memerangi wabak koronavirus (Covid-19), Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) tampil memberikan sumbangan kepada Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

Sumbangan yang diberikan itu berupa 1,000 unit peralatan perlindungan diri (PPE) dan 10 set *powered air purifying respirator* (PAPR) dengan nilai keseluruhan berjumlah RM160,000.

Pengerusinya, Wan Saiful Wan Jan berkata, sebagai sebuah organisasi yang cakna dan prihatin, pihaknya turut



Wan Saiful (dua dari kanan) menyerahkan sumbangan PPE dan PAPR daripada PTPTN kepada Adham di Putra Jaya kelmarin.

terpanggil untuk memberikan sumbangan melalui program tanggungjawab sosial korporat (CSR) kepada petugas barisan hadapan.

Katanya, sumbangan itu dikhususkan kepada dua hospital yang mengendalikan kes Covid-19 iaitu Hospital Kuala Lumpur (HKL) dan Hospital Selayang.

"PTPTN berharap sumbangan ini sedikit sebanyak dapat

membantu KKM dan pihak hospital dalam menyediakan perlindungan kepada petugas barisan hadapan yang banyak berkorban menentang penularan wabak ini.

"Kita perlu berganding bahu untuk membendung penyebaran Covid-19 dan PTPTN beriltizam menghulurkan bantuan.

"KKM dan semua petugas barisan hadapan perubatan memainkan peranan paling

kritikal dan PTPTN berbesar hati dapat memberikan sokongan dalam bentuk keperluan peralatan perlindungan peribadi Covid-19," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui selepas menyerahkan sumbangan itu kepada Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Adham Baba di KKM di sini kelmarin.

Wan Saiful berkata, PTPTN juga sedia untuk menghu-

PTPTN berharap sumbangan ini sedikit sebanyak dapat membantu KKM dan pihak hospital dalam menyediakan perlindungan kepada petugas barisan hadapan."

lurkan bantuan pada masa akan datang mengikut kemampuan.

"Kita akan melihat lagi bentuk bantuan yang diperlukan dan jika kita berkemampuan kita akan memastikan bantuan sewajarnya diberikan.

"Di kesempatan ini juga saya mewakili PTPTN dan seluruh rakyat Malaysia ingin berterima kepada semua petugas barisan hadapan khususnya KKM kerana begitu komited dalam memerangi musuh yang tidak kelihatan ini," katanya.

FOTO: SHARIFUDIN ABDUL RAHIM

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 17

RUANGAN : SINAR RAMADAN

SINAR HARIAN • SABTU 2 MEI 2020

Sinar Ramadan

17

#PastiAdaSinar

Frontliners kesihatan teruskan perjuangan

Lensa Ramadan



Walaupun wabak coronavirus (Covid-19) di Malaysia sudah berada di tahap terkawal, namun ia tidak melekakan petugas kesihatan kita bagi memberikan khidmat terbaik bagi seluruh rakyat. Ketika bulan Ramadan ini, petugas kesihatan tetap beribadah seperti biasa dalam keadaan norma baharu.



Seorang petugas KKM membawa keluar seorang pesakit positif Covid-19 untuk dipindahkan ke wad MAEPS ketika tinjauan Sinar Harian di Hospital Kuala Lumpur semalam.



Kakitangan Hospital Sungai Buloh mengekalkan penjarakkan sosial ketika berbuka puasa.



Kakitangan Hospital Kuala Lumpur perlu menjalani pemeriksaan suhu badan sebelum memulakan tugas.

Petugas kesihatan berbuka puasa di wad Covid-19 Hospital Pulau Pinang.



Salah sebuah wad yang sebelum ini digunakan untuk merawat pesakit Covid-19 dikosongkan selepas jumlah pesakit berkurangan sejak beberapa hari lalu ketika tinjauan Sinar Harian di Hospital Kuala Lumpur semalam.



Salah seorang petugas KKM tampak keletihan ketika tinjauan Sinar Harian di Hospital Kuala Lumpur semalam.



Petugas kesihatan di Hospital Putrajaya menunaikan solat selepas berbuka puasa.



Perkhidmatan ambulans di Hospital Pulau Pinang tetap diteruskan walaupun ketika waktu berbuka puasa. Keselamatan pesakit tetap menjadi keutamaan.



Kakitangan Hospital Sultanah Aminah Johor Bahru gigit meneruskan kerja walaupun telah masuk waktu berbuka puasa.